

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNYA telah dianugerahkan kekuatan untuk sampai ke penghujung penyelidikan ini. Justeru, ruangan dan kesempatan ini ingin saya abadikan ucapan terima kasih kepada ...

Prof. Madya Dr. Aini Hassan, selaku penyelia yang terlalu banyak berkongsi kepakaran di samping memberi bimbingan dan pandangan dalam menyempurnakan penyelidikan. Komitmen, kesabaran, dorongan dan motivasi yang diberikan secara berterusan, terlalu banyak menyumbang kepada kejayaan penyelidikan ini. Sesungguhnya, ‘perjalanan’ yang dilalui bersama beliau merupakan pengalaman berharga yang tidak ternilai harganya.

Kementerian Pelajaran Malaysia, khususnya Institut Pendidikan Guru Malaysia, Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur dan Ketua Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur, atas peluang dan kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk mendalami proses penyelidikan. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pengetua sekolah-sekolah yang terlibat, serta kesemua peserta kajian atas kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan matlamat penyelidikan.

Pensyarah-pensyarah serta bekas pensyarah dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya khususnya kepada Profesor Dr. Nik Azis Nik Pa, Profesor Dr. Seow Heng Loke dan Profesor Datuk Dr. Sharifah Maimunah Syed Zin atas komen serta pandangan yang konstruktif dalam memantapkan tesis ini.

Rakan-rakan yang dihormati, khususnya Dr. Siti Hawa Abdullah dari Universiti Sains Malaysia, rakan-rakan seperjuangan di Bilik Pasca Siswazah Universiti Malaya, rakan sekerja di IPG Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur, serta semua rakan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Sesungguhnya doa, sokongan dan harapan anda merupakan inspirasi yang amat bernilai dalam membawa perjalanan penyelidikan ini sampai ke penghujungnya.

Suami, Ir Kamarudzaman Hj. Sakom serta permata hati Arief Nashrin dan Ain Melissa, tiada kata-kata yang mampu diucap atas sokongan, pengorbanan dan doa kalian selama ini. Kepada ayahanda dan keluarga, terima kasih kerana tidak pernah lupa untuk mendoakan kejayaan ini. Akhirnya kepada bonda yang tidak sempat melihat kejayaan ini, alhamdulillah, impian dan harapan telahpun tertunai dan terima kasih kerana mendewasakan sehingga berada dalam keadaan yang cukup selesa dan semoga dicucuri rahmat serta ditempatkan bersama golongan yang beriman. Amin.

## SINOPSIS

Kajian kualitatif ini bertujuan memerihalkan dan memahami pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 di sekolah. Fokus kajian adalah kepada proses sebenar yang berlaku dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah yang melibatkan fasa-fasa perancangan, penyampaian dan penilaian. Seperti yang dirumuskan oleh Marsh dan Willis (2007), penyelidikan terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum dapat dilakukan dengan menggunakan tiga pendekatan, iaitu fideliti dalam pelaksanaan atau *fidelity of implementation*, adaptasi atau *adaptation* dan *enactment*. Oleh sebab aktiviti yang terkandung dalam Pendidikan Jasmani bersifat kompleks dan dinamik, perspektif adaptasi adalah lebih sesuai digunakan untuk mengkaji pelaksanaan kurikulum ini di sekolah di samping memerihal peranan yang dimainkan oleh guru dalam melaksanakan kurikulum agar menepati perkara yang dirancang, dan faktor-faktor yang mempengaruhi guru dalam melakukan adaptasi terhadap kurikulum.

Peserta kajian terdiri daripada empat orang guru yang mengajar di sekitar Lembah Klang. Mereka dipilih secara bertujuan berdasarkan latar belakang pendidikan atau latihan dan pengalaman mengajar. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran guru tersebut selama tujuh bulan, kaedah temu bual dengan guru, dan analisis dokumen kurikulum yang berkaitan. Semasa kajian dijalankan, peserta kajian telah menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang menyentuh tunjang pembelajaran Pendidikan Jasmani iaitu kecergasan, kemahiran dan kesukunan. Kesahan dan kebolehpercayaan dapatan dipertingkatkan dengan menggunakan strategi triangulasi, pemerhatian jangka masa panjang, semakan ahli, menyatakan bias pengkaji dan jejak audit.

Kajian ini mendapati faktor utama yang mempengaruhi guru dalam membuat adaptasi untuk memenuhi matlamat dan objektif kurikulum adalah kemudahan infrastruktur dan peralatan. Kajian juga mendapati ruang untuk melakukan adaptasi kurikulum adalah sangat besar kerana status kurikulum itu yang tidak diperiksa. Perkara inilah juga yang telah mempengaruhi sikap sambil lewa guru Pendidikan Jasmani dalam menjalankan tugas sebagai pelaksana kurikulum, iaitu guru pada luarannya (dalam buku rancangan mengajar) kelihatan

seperti melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut apa yang ditetapkan dalam dokumen kurikulum, tetapi sebenarnya tidak melakukan apa yang dicatat atau dirancang di dalam kelas Pendidikan Jasmani. Dalam erti kata lain, kurikulum rasmi atau bertulis adalah berbeza dengan kurikulum yang dilaksanakan dan kurikulum yang dialami oleh murid. Jurang perbezaan ini adalah bergantung kepada faktor sikap, minat dan konsepsi guru tentang kepentingan Pendidikan Jasmani dan peranan mereka berhubung dengan perkara itu. Dapatkan kajian juga menunjukkan, kurikulum ini dapat dilaksanakan dengan berkesan walaupun diajar oleh guru yang tidak terlatih dalam mata pelajaran itu, tetapi berminat dan bertanggungjawab terhadap peranan mereka sebagai pelaksana kurikulum di sekolah.

Dapatkan kajian ini membawa implikasi bahawa perancangan kurikulum Pendidikan Jasmani perlu mengambil kira ciri-ciri unik kurikulum ini dengan memberi penekanan terhadap adaptasi yang bersesuaian misalnya apabila berhadapan dengan kekangan kemudahan dan peralatan. Di samping itu, minat guru, dan minat murid perlu diambil kira. Hal ini kerana, hanya melalui cara ini matlamat murni kurikulum ini akan dicapai, iaitu bertujuan membantu murid menjadi cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan.

## **IMPLEMENTATION OF PHYSICAL EDUCATION CURRICULUM BY FORM ONE TEACHERS**

### **SYNOPSIS**

This qualitative study was aimed at describing and understanding the implementation of the Form One Physical Education curriculum in schools. The focus of the study was on the actual process that occurred in the teaching and learning of Physical Education which involves the planning, delivery and evaluation phases. As concluded by Marsh and Willis (2007), there have been three approaches to research on curriculum implementation namely fidelity of implementation, adaptation and enactment. Due to the nature of the Physical Education curriculum which is complex and dynamic, the adaptation perspective was seen as being the most suitable for the study of its such an implementation in schools. This approach would also enable the study of the role of the teacher in curriculum implementation and the understanding of factors influencing the teacher in adapting the curriculum.

The participants of the study were four teachers teaching in the Klang Valley. They were selected based on the criteria of education or training background and teaching experience. Data were collected through observation of the teaching and learning of their Physical Education classes over a period of seven months, interviews with the teachers, and analysis of relevant curriculum documents. During the study, the teachers carried out the teaching and learning of the core aspects of the Physical Education curriculum namely fitness, skills, and sport-related issues. The validity and reliability of the findings were enhanced by the strategies of triangulation, long term observation, member checking, researcher's bias and audit trail strategies.

This study found two main factors which influenced teachers in making adaptations to the curriculum to fulfil the aims and objectives of the curriculum namely infrastructure and equipment. This study also found that there was a wide opportunity to adapt the curriculum because it was not subjected to examinations. This has also influenced the lackadaisical attitude of Physical Education teachers

towards their tasks as implementers of the curriculum; on the surface the teachers (according to their lesson plans) seemed to have implemented the teaching and learning according to what was stated in the curriculum documents, but in practice what was written or planned was not carried out. In other words, the official or written curriculum differed from the implemented curriculum and the curriculum experienced by the students. This gap between the official and implemented curriculum was influenced by the teachers' attitude, interest and conceptions regarding the importance of the Physical Education curriculum and their role related to it. The findings of this study also showed that the curriculum can be effectively implemented by teachers who were not trained in the subject but who were interested and had a strong sense of responsibility towards their role as curriculum implementers in schools.

One implication of the findings is that the planning of the Physical Education curriculum must take into account the unique characteristics of the curriculum such as the need for appropriate adaptation when faced with constraints related to infrastructure and equipment. The interest of teachers and students should also be taken into account. Planning that takes into account these factors can ensure the achievement of the noble objectives of the Physical Education curriculum, that is to help students attain fitness through the learning of physical activities and the practice of fitness.